

**TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN PENULISAN e-WILL / e-WASIAT***Dikemas kini pada 22 Jun 2022*

Terma dan syarat ini ("**Terma dan Syarat Perkhidmatan Penulisan e-Will / e-Wasiat**") mentadbir penggunaan Perkhidmatan Penulisan e-Will / e-Wasiat (seperti yang ditakrifkan) sebagaimana yang disediakan oleh Amanah Raya Berhad ("**ARB**") melalui Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (selepas ini dikenali sebagai "**Bank**") dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect ("**Terma HLB Connect**")

Pelanggan hendaklah menandakan pemahaman Terma dan Syarat dan mengambil tanggungjawab untuk penggunaan Perkhidmatan dengan mengklik pada butang "Terima". Pelanggan harus membaca Terma dan Syarat dengan teliti sebelum mengklik butang "Terima" dan menerimanya.

**TAKRIFAN**

Untuk tujuan Terma dan Syarat, terma berikut hendaklah digunakan. Perkhidmatan atau jika tiada takrifan diberikan, terma tersebut hendaklah mempunyai makna yang boleh diterima secara am dalam industri berdasarkan konteks yang digunakan di sini.

<b>"e-Will"</b>	<i>bermaksud Penulisan Wasiat untuk orang bukan Islam yang melanggni Perkhidmatan</i>
<b>"e-Wasiat"</b>	<i>bermaksud Penulisan Wasiat untuk orang Islam yang melanggni Perkhidmatan.</i>
<b>"Asas"</b>	<i>bermaksud jenis e-Will / e-Wasiat yang ditawarkan. Terdapat dua (2) jenis Will / Wasiat yang ditawarkan oleh ARB, Asas dan Komprehensif. Walau bagaimanapun, Bank hanya menawarkan Will / Wasiat Asas</i>
<b>"Dokumen Sokongan"</b>	<i>bermaksud antara arahan lain untuk melengkapkan Will atau Wasiat iaitu borang permohonan, borang PDPA, salinan Kad Pengenalan Pelanggan dan Kad Pengenalan saksi bersertakan semua dokumen lain yang berkaitan yang mungkin diperlukan oleh Bank.</i>
<b>"Pelanggan"</b>	<i>bermaksud pelanggan Bank yang mempunyai akaun semasa / akaun semasa-i atau akaun simpanan / akaun simpanan-i ("CASA / CASA-i") dengan Bank dan berdaftar di HLB Connect.</i>
<b>"Langganan"</b>	<i>bermaksud pendaftaran kepada Perkhidmatan Penulisan e-Will / e-Wasiat yang ditawarkan melalui HLB Connect dengan mengisi ruang yang diperlukan dan membayar fi.</i>

**KELAYAKAN**

- Untuk e-Will, Pelanggan mestiah:-
  - Seseorang yang bukan beragama Islam;
  - Seseorang yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun (Semenanjung Malaysia & Sarawak) atau dua puluh satu (21) tahun dan ke atas di Sabah;
  - Seseorang yang waras & sempurna akal;
  - Seseorang yang mengambil tindakan secara sukarela dan tanpa paksaan; dan
  - Seseorang yang tidak dilarang mentadbir hartanya.

2. Untuk e-Wasiat, Pelanggan mestiah:-
  - (a) Seseorang Muslim;
  - (b) Seseorang yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun (Semenanjung Malaysia & Sarawak) atau dua puluh satu (21) tahun dan ke atas di Sabah;
  - (c) Seseorang yang waras & sempurna akal;
  - (d) Seseorang yang mengambil tindakan secara sukarela dan tanpa paksaan; dan
  - (e) Seseorang yang tidak dilarang mentadbir hartanya.

### **UMUM**

3. Perkhidmatan Penulisan e-Will / e-Wasiat membolehkan Pelanggan melakukan aplikasi e-Will atau e-Wasiat Asas dalam talian.
4. Perkhidmatan Penulisan e-Will / e-Wasiat yang ditawarkan adalah sebahagian daripada perbankan dalam talian Bank, HLB Connect. Oleh itu, Terma dan Syarat Perkhidmatan Penulisan e-Will / e-Wasiat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma HLB Connect.
5. Pelanggan mesti terlebih dahulu mempunyai nama pengguna dan kata laluan Hong Leong Connect yang sah untuk melanggan Perkhidmatan.
6. Perkhidmatan ini adalah untuk kegunaan eksklusif Pelanggan sahaja. Pelanggan dilarang menggunakan Perkhidmatan bagi pihak orang lain.
7. Pelanggan boleh pada bila-bila masa membatalkan Perkhidmatan dengan syarat pembatalan dilakukan sebelum pembayaran.
8. Bank akan menghantar salinan fizikal dokumen Will atau Wasiat Asas ke alamat yang dimasukkan oleh Pelanggan dalam HLB Connect dalam tempoh empat belas [14] hari bekerja dari tarikh Pelanggan telah melengkapkan penyerahan dalam talian dan membuat pembayaran.
9. Bank menyediakan Perkhidmatan mengikut undang-undang Malaysia dan khususnya untuk orang Islam mengikut prinsip Islam.
10. Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi Bank, cawangan terdekat Bank atau ARB sekiranya terdapat maklumat tambahan atau penjelasan yang diperlukan berkenaan dengan Perkhidmatan
11. Para Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengizinkan dengan pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada pihak Bank oleh Para Pelanggan atau yang diperoleh oleh pihak Bank dari domain awam, serta data peribadi yang didedahkan berikutan daripada penyediaan perkhidmatan kepada para Pelanggan berkaitan dengan Perkhidmatan mengikut Notis Privasi pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

"**Notis Privasi**" bermakna dasar dan prinsip pihak Bank yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari masa ke semasa dan boleh didapati di laman sesawang pihak Bank atau dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

12. Para Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan memberi pampasan tanggung rugi kepada pihak Bank dari dan

Member of PIDM

terhadap kesemua tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan dalam apa cara pun yang akan ditanggung oleh pihak Bank akibat daripada pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat Perkhidmatan ini oleh para Pelanggan.

13. Walaupun Bank komited untuk mengambil langkah-langkah keselamatan terbaik bagi memastikan urusan niaga yang dilakukan di HLB Connect adalah selamat dan kukuh, masih terdapat risiko bawaan komunikasi atas talian internet yang berada di luar kawalan pihak Bank. Justeru itu, Pelanggan perlu sedar akan dan dengan ini sedia mengambil risiko tersebut apabila Pelanggan melakukan Perkhidmatan Penulisan e-Will / e-Wasiat

### **TUGAS PELANGGAN**

14. Mengakui dan bersetuju untuk menerima Perkhidmatan melalui halaman sesawang selamat dan terjamin HLB Connect selaras dengan Terma dan Syarat
15. Setelah menerima Will atau Wasiat fizikal daripada Bank, Pelanggan hendaklah:-
- (a) Baca borang permohonan dan Will atau Wasiat untuk mengesahkan bahawa semua butiran di dalamnya adalah betul.
  - (b) Maklumkan kepada Bank tentang sebarang kesilapan dalam masa tiga [3] hari bekerja untuk membolehkan Bank menyediakan Will atau Wasiat baharu. Jika teratur, Pelanggan hendaklah menandatangani dengan pen dakwat hitam:-
    - (i) Borang permohonan Will atau Wasiat;
    - (ii) Will di hadapan dua [2] saksi tanpa mengira jantina dan agama yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas;
    - (iii) Wasiat di hadapan dua [2] saksi lelaki Islam / seorang [1] lelaki Islam & dua [2] perempuan Islam / empat [4] perempuan Islam yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas;
    - (iv) Memastikan bahawa saksi secara serentak menandatangani sebagai saksi kepada tandatangan Pelanggan; dan
    - (v) Pastikan saksi tidak dinamakan sebagai benefisiari di dalam Will atau Wasiat.
  - (c) Lampirkan salinan Kad Pengenalan Pelanggan.
  - (d) Lampirkan salinan Kad Pengenalan saksi.
  - (e) Letakkan salinan asal Will atau Wasiat yang ditandatangani dan disaksikan dengan sewajarnya, borang permohonan, borang PDPA, salinan Kad Pengenalan Pelanggan dan Kad Pengenalan saksi ke dalam sampul surat balasan yang disediakan oleh Bank dan hantar kepada:-  
**Amanah Raya Berhad**  
Will Administration Department  
Level 10, Wisma Amanah Raya  
No. 2, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur.
16. Simpan salinan pendua Will atau Wasiat yang telah ditandatangani dan disaksikan dengan sewajarnya di tempat yang selamat dan terjamin.

### **Yuran**

17. Jumlah yuran yang perlu dibayar untuk setiap e-Will atau e-Wasiat ialah RM350, tertakluk kepada cukai kerajaan jika berkenaan.
18. Yuran yang telah dibayar akan dikembalikan tertakluk kepada pengeluaran dokumen kepada Pelanggan oleh Bank. Jika dokumen telah dikeluarkan oleh Bank, namun yuran yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

### **HAD PERKHIDMATAN**

19. Bank bukanlah pentadbir e-Will atau e-Wasiat Pelanggan.
20. Bank tidak memberikan nasihat kepada Pelanggan berhubung dengan butiran e-Will atau e-Wasiat (iaitu Pengagihan

Member of PIDM

kekayaan/harta, cukai yang timbul daripada pengaturannya sedemikian atau daripada akibat undang-undang yang bakal timbul).

21. Bank tidak memegang Will / Wasiat asal atau salinannya.
22. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk perkara berikut:-
  - (a) pentadbiran harta pusaka;
  - (b) mengesahkan identiti, umur, atau keupayaan berwasiat;
  - (c) mengesahkan apa-apa maklumat yang telah diberikan; dan
  - (d) kelewatan atau kegagalan dalam pelaksanaan Will / Wasiat.

#### **PERTANYAAN DAN ADUAN**

23. Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan sebarang bantuan berkaitan dengan Terma dan Syarat ini atau HLB Connect, sila rujuk dengan Hong Leong Bank atau Pusat Perhubungan HLISB di 03-7626 8899 atau e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)
24. Pelanggan hendaklah menyatakan jenis pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian dan apa-apa butiran atau maklumat lain yang mungkin diperlukan oleh Bank. Aduan dan/atau pertikaian tersebut akan dikendalikan dan/atau diselesaikan selaras dengan prosedur aduan dalaman dan penyelesaian pertikaian Bank.